

Pentingkan keselamatan diri elak diculik kumpulan 'kidnap for ransom' - Ahmad Zahid
Astro Awani
Sept 19, 2016

NEW YORK: Mereka yang tinggal atau berurusan dalam kawasan seliaan Kawalan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESScom) perlu mempunyai sikap bahawa mereka juga bertanggungjawab ke atas keselamatan diri mereka sendiri, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata ini bagi memastikan kumpulan '*kidnap for ransom*' (culik untuk wang tebusan) tidak mengambil kesempatan ke atas sebarang kealpaan dari segi sikap berhubung keselamatan, di sebalik pemantauan dan kawalan yang dilakukan pasukan keselamatan.

"Mereka hendaklah mempunyai sikap bahawa keselamatan mereka juga merupakan tanggungjawab mereka sendiri.

"Mereka harus bertanggungjawab juga dalam membantu pihak berkuatkuasa supaya kumpulan '*kidnap for ransom*' tidak ambil kesempatan daripada perjalanan (pergerakan) mereka," kata Ahmad Zahid, yang juga Menteri Dalam Negeri kepada wartawan Malaysia di sini pada Ahad.

Beliau berada di New York untuk mengetuai delegasi Malaysia pada Sesi ke-71 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Ahmad Zahid ditanya tentang pembebasan tiga nelayan warga Indonesia pada Sabtu malam yang sebelum itu diculik lima lelaki bersenjata di perairan Felda Sahabat, Julai lepas.

Lorence Koten, 34, Teo Dorus Kopong, 42, dan Emanuel, 46, diculik kumpulan Abu Sayyaf pada 9 Julai ketika menangkap ikan kira-kira 3.6 batu nautika dari Kampung Sinakut, dekat Lahad Datu.

Ahmad Zahid seterusnya menggesa orang ramai termasuk mereka yang melakukan urusan perdagangan pertukaran barang (*barter trade*) supaya berhati hati dan memaklumkan kepada ESSCom bagi memastikan pergerakan mereka melibatkan kawasan atau laluan yang telah ditentukan.

Tag: [Zahid Hamidi](#), [PBB](#), [ESScom](#), [New York](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pentingkan-keselamatan-diri-elak-diculik-kumpulan-kidnap-ransom-ahmad-zahid-117105>